

25 SEP 1998

Mahathir-Anwar

DR MAHATHIR JELASKAN MENGAPA BELIAU TERPAKSA BERTINDAK SEGERA

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau terpaksa mengambil tindakan segera terhadap bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana takut jika sesuatu berlaku kepadanya, seorang pemimpin yang berkelakuan sumbang akan menggantikannya sebagai Perdana Menteri.

Katanya beliau tidak mahu keadaan itu terjadi.

"Saya kena ambil tindakan segera kerana kalau sesuatu berlaku kepada saya, dia akan menggantikan saya," katanya ketika merasmikan sambutan Hari Wanita anjuran Pergerakan Wanita Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Anwar dilucutkan daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept lepas.

Sambil mengulangi bahawa Anwar tidak layak memimpin negara, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, berkata rakyat melihat bagaimana seorang pemimpin mereka mudah dibawa oleh nafsu.

"Dan bila dia jadi pemimpin, dia akan diperalatkan oleh pihak asing," katanya.

Dr Mahathir berkata Anwar kemudiannya akan didedahkan kepada pelbagai tarikan untuk memuaskan nafsunya oleh pihak asing dan mereka juga akan menguasainya.

"Kalau kita ada pemimpin semacam ini, Malaysia akan hilang kemerdekaannya," kata Perdana Menteri.

Beliau bertanya kepada Pergerakan Wanita Umno dan anggota-anggota Umno yang lain sama ada mereka sanggup memecah-belahkan parti semata-mata untuk menerima pemimpin semacam itu.

Anwar, yang dipecat daripada Umno pada 3 Sept lepas, kini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ekoran tindakannya yang boleh memudaratkan ketenteraman awam termasuk mengetuai perhimpunan haram.

Dr Mahathir berkata anggota-anggota Umno harus berfikir secara mendalam mengenai segala masalah yang melanda negara.

"Jika kita terbawa-bawa dengan propaganda media asing, (perpaduan dalam) Umno mungkin berpecah," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kini ada usaha di kalangan tertentu untuk memecah-belahkan Umno walaupun perbuatan seperti itu telah berlaku sebelum ini.

"Dulupun sudah ada usaha untuk memecah-belahkan parti kerana nak mendapatkan sesuatu bagi diri sendiri," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata anggota-anggota Umno perlu menilai tindakan-tindakan itu sama ada ia berasaskan kepada kejujuran atau sebaliknya.

Dr Mahathir berkata tindakan media asing memutar-belitkan fakta dalam laporan mengenai kekacauan di Kuala Lumpur pada Ahad lepas oleh penyokong Anwar adalah untuk menunjukkan kononnya Anwar mendapat sokongan besar.

"Ia bertujuan untuk menipu rakyat agar mereka menyertai pihak Anwar dan akan pecahlah Umno," kata beliau.

Perdana Menteri berkata sebenarnya tidak ramai anggota Umno yang menyokong Anwar dan yang menyokong Anwar pula mempercayai bahawa Anwar dianiayai.

"Tetapi ramai orang termasuk rakan-rakan Anwar tidak mempercayainya lagi selepas mendengar penjelasan (mengenai pemecatan Anwar)," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata tujuan Anwar menyeru rakyat supaya merusuh adalah jelas iaitu bagi mempertahankan dirinya supaya perbincangan secara

biasa melalui mahkamah tidak diadakan.

"Pendapatnya jika Presiden Suharto boleh ditumbangkan melalui rusuhan maka di Malaysia juga boleh dibuat perkara yang serupa dan pemimpin yang dipilih secara demokrasi akan terpaksa undur," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata Anwar percaya dengan cara itu, perbicaraan terhadapnya tidak akan dimulakan.

"Inilah tujuan rusuhan itu, untuk mengelakkan perbicaraan terhadap tuduhan pada dirinya kerana jika perbicaraan diadakan beliau percaya segala keburukannya akan terdedah dan rakyat tidak akan percaya kepadanya lagi," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau sedar bahawa ramai anggota Umno percaya tuduhan terhadap Anwar tidak berasas.

"Bahkan saya sendiri tidak percaya pada mulanya walaupun (bekas Ketua Polis Negara) Tun Haniff Omar melaporkan kepada saya pada tahun '93 tentang kecenderungan timbalan saya itu.

"Saya mengetepikannya tetapi apabila saya mendapat bukti jelas, saya tidak boleh ketepikannya lagi. Saya kena ambil tindakan segera," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata tidak seperti di negara-negara lain umpamanya di Amerika Syarikat, rakyat Malaysia tidak boleh menerima seorang pemimpin yang mempunyai moral rendah kerana nilai-nilai ketimuran dan pegangan mereka kepada Islam.

Beliau berkata di negara-negara Barat, rakyatnya sanggup menerima perbuatan seorang lelaki mencium seorang lelaki dan juga pemimpin negara yang membawa temannya yang juga seorang lelaki ke majlis keramaian.

"Demikianlah liberal pandangan di Barat. Ia tidak ganjil dan diterima.

"Tetapi kita di Malaysia tidak ikut tindakan yang melampau itu. Kita terima lelaki sebagai lelaki dan wanita sebagai wanita," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata Tuhan telah menentukan supaya perbezaan tertentu di kalangan umat manusia dikekalkan "dan kita harus iktiraf hakikat dan perbezaanya."

"Kita di sini tahu dan menerima hakikat yang sebenar. Kita terima perbezaan dan persamaan antara lelaki dan wanita," kata beliau.

Beliau juga menjelaskan mengenai perbezaan antara manusia dan haiwan dan berkata: "Bagi haiwan seperti ayam, kalau ia jantan ia lebih cantik kerana bulunya yang berwarna-warni. Tetapi dalam hal manusia pula, lelaki dikatakan tidak cantik walaupun ada juga lelaki yang kadang-kadang nampak menarik.

"Apabila kita ketepikan keadaan semula jadi ini, huru-hara akan berlaku," kata Perdana Menteri.

Oleh itu, beliau menyeru anggota Umno supaya mengekalkan perpaduan dalam parti dan jangan membiarkannya dipecah-belahkan oleh mana-mana pihak.

"Hari ini kita menghadapi sedikit masalah dan perlu ditangani dengan baik kerana kalau terbawa-bawa, Umno akan gagal dan tidak dapat menyambung perjuangan Umno yang bermula sejak lebih 50 tahun lalu.

"Perjuangan Umno belum selesai. Perpaduan diperlukan untuk menjamin perjuangan kita mencapai kejayaan. Perjuangan kita mungkin gagal jika kita tidak berhati-hati dalam menangani perkara ini," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

ES NMO